

Jenayah kolar putih: Mahathir setuju hukuman lebih berat

KUALA LUMPUR 5 Jun — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad bersetuju supaya hukuman yang lebih berat termasuk hukuman rotan dikenakan kepada penjenayah-penjenayah holar putih.

Beliau berkata, hukuman rotan ke atas para penjenayah kolar putih yang dimaksudkannya bukannya sebat seperti penjenayah-penjenayah lain.

"Kita bimbang dengan kejadian jenayah ini dan sedang memikirkan untuk memperkenalkan hukuman yang lebih bersifat menghalang daripada perkara ini terus berlaku," katanya kepada para pemberita di sini hari ini.

Beliau menyatakan demikian selepas meraikan para pemain skuad badminton negara di kediamannya di Sri Perdana.

Menurut beliau, buat masa ini hukuman yang dikemukakan tidak disifatkan sebagai hukuman yang boleh menghalang daripada kejadian itu berlaku.

Di samping itu katanya, kerajaan juga sedang menimbang untuk mem-

berikan publisiti yang meluas mengenai penjenayah-penjenayah kolar putih melalui media massa.

Bagi melaksanakan tujuan kerajaan itu, Kementerian Undang-undang sudah diminta untuk membuat kajian.

Ditanya adakah kajian itu turyt memberikan kuasa yang lebih kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) untuk menyiasat pemimpin-pemimpin politik yang terlibat dengan jenayah kolar putih, Perdana Menteri berkata, perkara itu turut diberi pertimbangan.

Mengenai isu Maika Holdings, beliau berkata, semasa isu itu hangat beliau berada di luar negara dan tidak mahu membuat sebarang ulasan mengenainya.

Berhubung dengan Sicalang Kemuncak Bumi di Rio, beliau berkata, perkara pokok yang hendak dibawanya adalah sama seperti yang dinyatakan semasa Persidangan Menteri-Menteri Alam Sekitar di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Katanya, penekanan yang diberikan ialah berhubung dengan tanggungjawab dan perbelanjaan yang harus ditanggung bersama bagi mengekalkan alam sekitar yang baik.

"Saya tidak mahu terlalu pesimistik tetapi saya mengharapkan sesuatu yang baik akan dapat dihasilkan daripada persidangan di Rio nanti," katanya.

Ditanya mengenai Presiden Kmcrika Syarikat,

George Bush yang hanya akan berada empat jam sahaja di Rio, Dr. Mahathir berkata, beliau tidak mahu memberi sebarang ulasan mengenai perkara tersebut.

Kepada soalan mengenai tindakan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) yang hendak memecat keanggotaan Malaysia dalam pertubuhan itu, Dr. Mahathir berkata, ILO dikuasai oleh negara-negara yang kaya dan mereka tidak faham kedudukan negara-negara miskin seperti Malaysia.

Kata beliau, sebenarnya apa yang dimahukan oleh negara-negara kaya itu ialah memastikan Malaysia tidak mampu bersaing dengan mereka di pasaran terbuka yang akhirnya menyebabkan pekerja di negara ini tidak mempunyai pekerjaan.

"Apa yang jelas, mereka mahukan kadar upah yang rendah di negara ini dinaikkan dan keadaan itu menyebabkan kita tidak mampu bersaing dengan negara lain dan para pelabur tidak akan datang ke negara ini," tambah beliau.

Dengan keadaan itu katanya, program perindustrian negara akan gagal dan itulah sebenarnya yang diidamkan oleh negara-negara kaya tersebut.

Dr. Mahathir menjelaskan, sebagai sebuah negara sedang membangun, satu-satu kelebihan yang ada pada negara ini ialah kos buruh adalah rendah tetapi bukannya buruh yang mu-

rah

rendah itu adalah selaras dengan taraf hidup yang rendah di negara ini.

"Apa yang sebenarnya mereka mahukan ialah kelebihan yang adapada kita itu musnah dan kita tidak mempunyai kelebihan lain untuk bersaing di pasaran antarabangsa serta kita boleh menjalankan program perindustrian di negara ini," ujarnya.

Sehubungan itu beliau menyelar tindakan pemimpin-pemimpin MTUC kerana sanggup bekerjasama dengan pihak asing untuk memulau barang-barang keluaran negara ini.

"Apa yang mereka buat kepada para pekerja, sebaliknya kita sebagai kerajaan yang bertanggungjawab yang berjaya mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat negara ini.

"Pemimpin MTUC sebenarnya langsung tidak ada sumbangan kepada mewujudkan peluang pekerjaan sebaliknya hanya mahukan kuasa sebagai pemimpin pekerja dan mahukan para pekerja menyokong mereka," tegas beliau.

Perdana Menteri menyatakan, keadaan itu sebenarnya tidnk diketahui oleh para pekerja.

Ditanya adakah Malaysia sedia keluar daripada ILO, Dr. Mahathir berkata, "Sekiranya tidak memperoleh sebarang faedah tidak ada sebab kenapa kita perlu terus berada di dalam badan itu."